

17 SEP 1999

Hamid-Perhimpunan

MALAYSIA AKAN MENGEMUKAKAN PELBAGAI ISU SEMASA

KOTA BAHARU, 17 Sept (Bernama) -- Malaysia akan mengemukakan pelbagai isu semasa terutamanya dalam soal ekonomi dan sistem kewangan untuk dibincangkan pada perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang akan bermula minggu depan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan menghadiri perhimpunan itu pada akhir bulan ini, akan membuat ucapan menyentuh perkara-perkara berkenaan.

"Saya fikir yang paling penting ialah kita melihat pada masa depan dunia, masa depan sistem ekonomi, kewangan. Ini semua boleh disuarakan oleh pemimpin-pemimpin negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Jambatan Kampung Lubok Lesong, Hutan Pasir, Ketereh dekat sini, hari ini.

Syed Hamid berkata Malaysia mempunyai tindakan yang jelas dalam isu-isu berkenaan yang menjurus untuk mencapai keadilan di peringkat global.

Beliau berkata, Malaysia tidak ingin melihat penindasan oleh negara maju terhadap negara-negara membangun dalam pelbagai bidang termasuk yang dikatakan dalam perdagangan bebas.

"Mereka mengadakan sistem perlindungan atas nama perdagangan, sedangkan mereka tidak membuka pasaran mereka untuk kita... kita akan memberi penekanan yang lebih dalam soal-soal ekonomi," katanya.

Beliau berkata kecenderungan untuk membuat spekulasi matawang perlu dihapuskan kerana ia boleh merosakkan negara-negara membangun.

Syed Hamid juga menyatakan keyakinan terhadap keupayaan tentera Malaysia untuk melaksanakan tugas bersama Pasukan Pelbagai Negara PBB yang akan dihantar ke Timor Timur bagi memulihkan keamanan dan ketenteraman di wilayah itu.

"Pengalaman kita adalah cukup oleh kerana kita sudah mempunyai pengalaman dalam pasukan-pasukan pengaman semenjak di Congo," katanya.

Beliau berkata Malaysia telah terlibat dalam beberapa pasukan pengaman dan mempunyai anggota yang layak dan berkemampuan memahami keadaan sedemikian.

Seramai 30 anggota tentera yang berkemahiran dan berkemampuan tinggi akan dipilih oleh Kementerian Pertahanan bagi menyertai Pasukan Pelbagai Negara PBB itu, katanya.

Syed Hamid berkata keputusan Malaysia untuk menyertai pasukan tentera pengaman itu selepas diminta oleh PBB dan Indonesia sendiri yang mahukan negara-negara Asean khususnya Malaysia ikut serta.

Katanya, Malaysia telah ditawarkan oleh PBB menjadi timbalan pemerintah kepada pasukan berkenaan yang diketuai oleh Australia.

-- BERNAMA

BD NMO